

India, Asean Akan Teroka Kerjasama Tenaga Boleh Diperbaharui
Bernama
03 November, 2012
Oleh Saraswathi Muniappan

NEW DELHI, 3 Nov (Bernama) -- Pembiayaan tenaga boleh diperbaharui, kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, pindahan teknologi dan penilaian sumber akan menjadi antara isu yang dibincangkan di mesyuarat Menteri-Menteri Tenaga Boleh Diperbaharui negara-negara Asean dan India.

Mesyuarat itu yang dianjurkan oleh India pada 7 Nov di New Delhi juga akan menyaksikan menteri-menteri yang terlibat dari negara masing-masing membincangkan dasar dan rangka kerja kawal selia bagi penggalakan tenaga boleh diperbaharui.

Pada 5-6 Nov, satu bengkel kerja mengenai tenaga boleh diperbaharui bagi pakar-pakar dan perancang dasar dari negara Asean dan India akan dianjurkan oleh Kementerian Tenaga Baharu dan Boleh Diperbaharui (MNRE), Jabatan Sains dan Teknologi (DST) dan Global Innovation Technology Alliance (GITA), kata Kementerian itu dalam satu kenyataan.

Menteri Tenaga, Air dan Teknologi Hijau Datuk Seri Peter Chin Fah Kui dijangka menghadiri bengkel kerja itu yang bertujuan untuk berkongsi pengalaman tentang pembangunan dan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, dan mengenal pasti institusi bagi menjalin kerjasama jangka panjang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706738>